




Inflasi keseluruhan meningkat, manakala inflasi teras kekal tidak berubah

Sumbangan kepada inflasi




¹ Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia


- Pada bulan Julai, inflasi keseluruhan meningkat sedikit kepada 1.2% (Jun: 1.1%), manakala inflasi teras¹ kekal tidak berubah pada 1.8% (Jun: 1.8%).
- Inflasi keseluruhan yang lebih tinggi mencerminkan inflasi teras yang berterusan serta peningkatan dalam komponen bukan teras terpilih seperti sayur-sayuran segar dan tambang penerbangan.
- Peningkatan ini sebahagiannya diimbangi oleh penurunan dalam IHP elektrik, yang mencerminkan penstrukturan semula tarif elektrik sepanjang bulan tersebut. Khususnya, bil elektrik menjadi lebih rendah bagi kebanyakan isi rumah berikutan kadar tarif domestik yang lebih rendah dan rebat untuk penggunaan elektrik yang lebih rendah di bawah Insentif Kecekapan Tenaga.

Pertumbuhan eksport berubah positif, manakala pertumbuhan import sederhana pada bulan Julai

Eksport Malaysia Mengikut Produk



Import Malaysia Mengikut Penggunaan Akhir



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan MATRADE


- Eksport kasar meningkat sebanyak 6.8% (Jun: -3.6%), didorong terutamanya oleh pertumbuhan kukuh eksport elektrik dan elektronik (*electrical and electronic*, E&E). Eksport bukan E&E menguncup disebabkan terutamanya oleh produk petroleum dan kimia, manakala eksport komoditi yang lebih rendah didorong oleh minyak sawit dan gas asli cecair (*liquefied natural gas*, LNG).
- Pertumbuhan import menjadi sederhana kepada 0.6% (Jun: 1.2%) berikutan penurunan import pengantara.
- Pada masa hadapan, permintaan luaran yang semakin sederhana dijangka terus mempengaruhi eksport.




Pertumbuhan kredit kepada sektor swasta bukan kewangan lebih tinggi

Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan

Sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)



Pertumbuhan tahunan (%)




² Terdiri daripada pinjaman bagi pembelian harta tanah bukan kediaman, harta tanah kediaman bagi kegunaan perniagaan, aset tetap serta aktiviti pembinaan

Sumber: Bank Negara Malaysia

- Pertumbuhan kredit kepada sektor swasta bukan kewangan meningkat sebanyak 5.5% (Jun: 5.2%), didorong oleh pertumbuhan yang lebih tinggi dalam pinjaman perniagaan terkumpul (4.9%; Jun: 4.5%) dan bon korporat terkumpul (4.8%; Jun: 4.3%).
- Pertumbuhan pinjaman perniagaan terkumpul meningkat, didorong oleh pertumbuhan pinjaman yang lebih tinggi untuk tujuan berkaitan pelaburan² dalam kalangan bukan PKS. Pertumbuhan pinjaman PKS pula meningkat disebabkan oleh pertumbuhan yang lebih tinggi dalam pinjaman modal kerja.
- Pertumbuhan pinjaman isi rumah kekal stabil pada 6% (Jun: 6%), dengan pertumbuhan yang berterusan merentas kebanyakan tujuan pinjaman.

Perkembangan pasaran kewangan domestik didorong oleh jangkaan dasar monetari AS dan ketidakpastian dasar perdagangan AS

Prestasi Pasaran Kewangan pada bulan Julai 2025



Nota: Data kadar pertukaran ialah kadar pada pukul 12.00 tengah hari di Pasaran Tukaran Asing Antara Bank Kuala Lumpur

³ Negara serantau terdiri daripada Singapura, Thailand, Filipina, Indonesia dan Korea Selatan.

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia

- Perkembangan tarif pada masa ini terus mempengaruhi pasaran kewangan global. Selain itu, kenaikan inflasi AS pada bulan Jun bersama-sama dengan data ekonomi AS yang lebih kukuh daripada jangkaan mendorong peserta pasaran untuk mengurangkan jangkaan terhadap pengurangan kadar dasar oleh Federal Reserve AS pada bulan September.
- Berlatarkan keadaan ini, ringgit menurun nilai sebanyak 0.9% berbanding dolar AS (NEER: 0.3%; purata serantau³: -1.9%). Sementara itu, kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) 10 tahun menurun berkurang 10.0 mata asas (purata serantau³: -7.2 bps) berikutan pengurangan OPR dalam mesyuarat MPC bulan Julai serta prospek fiskal yang positif.
- Sebaliknya, FBM KLCI menurun sebanyak 1.3% (purata serantau³: 6.2%) berikutan aliran keluar ekuiti asing.




Sorotan Bulanan

Julai 2025

Permodalan institusi perbankan kekal kukuh untuk menyokong pertumbuhan ekonomi

Kecukupan Modal Sistem Perbankan




- Permodalan sistem perbankan kekal kukuh pada 18.4%, memastikan sokongan yang berterusan kepada pengantaraan kredit dan keupayaan untuk menghadapi kejutan potensi dalam ekonomi.
- Sistem perbankan mencatatkan lebih penampakan modal⁴ sebanyak RM143.3 bilion setakat Julai 2025.

⁴ Merujuk jumlah modal melebihi paras minimum pengawalseliaan yang termasuk penampakan pemeliharaan modal (2.5%) dan keperluan minimum tambahan khusus bagi setiap bank

Sumber: Bank Negara Malaysia

Kualiti aset sistem perbankan kekal stabil

Kualiti Aset Sistem Perbankan



- Nisbah pinjaman terjejas kasar dan nisbah pinjaman terjejas bersih masing-masing kekal rendah pada 1.4% dan 0.9%, berikutan para peminjam terus berupaya untuk membayar balik pinjaman.
- Nisbah perlindungan kerugian pinjaman (termasuk rizab pengawalseliaan) terus berada pada tahap berhemat iaitu 128.9% daripada pinjaman terjejas kasar (Jun: 130.4%).

Sumber: Bank Negara Malaysia